

DATE: 31/08/2007

Pengisian 50 tahun erti kebebasan

Oleh SIVAMURUGAN PANDIAN

PENGISIAN kemerdekaan yang diwarnai dengan kemuafakatan kepelbagaian kaum wajar diraikan sempena 50 tahun kemerdekaan apatah lagi ia turut dikongsi bersama negeri Sabah dan Sarawak melahirkan tiga wilayah bersama Semenanjung; yang terpisah kerana Laut China Selatan yang kemudiannya dikenali sebagai Malaysia.

Kekuatan hubungan antara kaum membolehkan negara terus pesat membangun; bermula dari sebuah negara mundur yang baru merdeka, kini ia muncul sebagai sebuah negara yang pesat membangun dan akan tergolong dalam kalangan negara maju dalam masa terdekat ini.

Teras kepada asas kejayaan ini adalah kemuafakatan politik yang lahir dari kontrak sosial; tanpa kontrak sosial, tidak ada Perlembagaan; tanpa adanya Perlembagaan, tidak mungkin kita meraikan 50 tahun kemerdekaan hari ini.

Sikap bertolak ansur, berkompromi, hormat-menghormati dan saling faham-memahami antara satu sama lain di bawah satu pendekatan keluarga besar yang ada pengorbanan untuk kepentingan nasional membolehkan para pejuang kemerdekaan dan pemimpin Parti Perikatan bekerjasama agar jalinan kemuafakatan itu akan membolehkan Malaysia makmur, rakyatnya hidup rukun dan percaya kepada kesetiaan ke atas negara di bawah prinsip Perlembagaan. Hakikatnya, pengisian kemerdekaan

dengan pembangunan berjalan lancar kerana warisan kepimpinan kerajaan Perikatan yang kemudiannya dikenali sebagai Barisan Nasional terus memastikan hubungan antara kaum terpelihara demi untuk kesejahteraan majoriti rakyatnya.

Walaupun ada dalam hal-hal tertentu, hubungan ini longgar dan rapuh, tetapi secara keseluruhannya, hubungan ini kukuh mengikut pendefinisian konvensional perpaduan dan integrasi. Jika tidak masakan kita mampu merancang sambutan ulang tahun kemerdekaan yang ke-50 bersama di bawah payung keunikan kepelbagaian rakyatnya?

Pembangunan pesat mendasari pengisian kemerdekaan kerana ia disuburkan oleh ikatan antara kaum. Perbezaan pandangan dan rasa tidak puas hati sememangnya tidak dapat dielak apatah lagi barisan kepimpinan Barisan Nasional tidak mampu memenuhi kesemua tuntutan pelbagai kaum tetapi ia kekal bersikap adil.

Kesederhanaan kepimpinan di peringkat nasional membolehkan proses pengisian kemerdekaan berjalan dengan teratur dan tersusun. Lumrah manusia tidak pernah berpuas hati tetapi ramai yang bersyukur kerana kebanyakan dasar kerajaan berjaya mengatasi masalah perkauman dan usaha berterusan dilakukan untuk memastikan Malaysia terus makmur.

Mekanisme kejayaan mengurus hubungan antara kaum adalah melalui perundingan dan bermusyawarah. Kepimpinan kerajaan dan pentadbiran negara

UM- 31/8/2007
juga mengamalkan politik berhemah untuk menangani apa sahaja isu secara bermoral dan mengetepikan amalan jahiliah untuk mengatasi masalah perkauman.

Hanya segelintir yang terus menyoal kedudukan masyarakat plural di negara ini kerana melihat dari landskap yang diteropong dengan kaca mata yang jumud dan terencil dengan mengemukakan tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah kerana gagal menghormati Perlembagaan negara ini.

Selepas 50 tahun merdeka, adakah generasi muda, generasi pasca merdeka turut memegang aspirasi yang sama sebagaimana generasi merdeka. Adakah mereka memenuhi semangat perkongsian dahulu atau ia disesuaikan dengan peredaran zaman?

Semangat dalaman dan luaran generasi merdeka berbeza dengan generasi pascamerdeka sehingga wujud pelbagai kritikan bahawa generasi pasca merdeka tidak mempunyai semangat patriotisme. Ada cara, ada pendekatan tersendiri yang digunakan oleh generasi ini untuk menterjemah semangat jati diri mereka dan kekuatan ini ditunjukkan dengan terlibat sama dalam pengisian kemerdekaan kerana tidak merasai keperitan hidup zaman penjajahan.

Pengorbanan generasi merdeka dihargai dengan memastikan Malaysia terus kekal stabil, terus maju dan masyarakatnya hidup harmoni. Sumbangan generasi muda dalam persekitaran ini tidak wajar dipertikaikan.

Pengisian kemerdekaan dapat dilaku-

kan kerana adanya usaha memurnikan erti 'kebebasan'. Kebebasan hari ini ada harganya. Ia tidak datang sendiri. Ia hadir dari keinginan untuk memerintah negara dengan acuan sendiri. Jika generasi hari ini diberi peringatan berterusan tentang asal-usul kebebasan yang dinikmati hari ini, sudah pasti pengisian kemerdekaan 50 tahun akan datang diwarnai dengan pencapaian yang lebih memberangsangkan bersesuaian dengan komitmen kepimpinan hari ini untuk melahirkan modal insan yang berkeperibadian mulia, beralaskan kemahiran dan ilmu.

Inilah cabaran 50 tahun akan datang yang bergantung kepada rakyat negara ini yang perlu terus bertanggungjawab ke atas maruah bangsa dan tanah air. Penghayatan kemerdekaan tidak memerlukan senjata; yang perlu adalah keazaman yang tinggi dalam setiap individu yang bergelar warga Malaysia. Perisai diri dengan kesetiaan kepada lagu *Negaraku*, hormati bendera dan simbol kenegaraan Malaysia.

50 tahun akan datang perlu berpegang kepada konsep 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung' kerana memelihara keutuhan hubungan antara pelbagai kaum di negara ini adalah tanggungjawab bersama.

DR. SIVAMURUGAN PANDIAN,
Pusat Pengajian Sains
Komuniti Universiti
Sains Malaysia